



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Aras 5, Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530, Putrajaya

Tel: 03-8886 5343 Emel: projkkp@mohr.gov.my

Laman web: www.dosh.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

Operasi Tapak Pembinaan (OTP Bil. 3/2025)

‘Pematuhan Konsisten, Tapak Selamat’

Shah Alam, 9 Disember – Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP/DOSH) melalui Bahagian Keselamatan Tapak Bina JKKP Malaysia dan JKKP Selangor pada hari ini telah menjalankan Operasi Tapak Pembinaan (OTP) Bil. 3/2025.

OTP yang dijalankan serentak di seluruh negara bermula pada 8 Disember 2025 ini bertujuan untuk menilai tahap pematuhan sektor pembinaan terhadap perundangan yang tertakluk di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024.

Berikut merupakan statistik kes kecederaan dan maut di tapak pembinaan yang disiasat oleh JKKP sahaja:

- Tahun 2023 – Kecederaan: 203 kes (maut: 68 kes)
- Tahun 2024 – Kecederaan: 195 kes (maut: 66 kes)
- Tahun 2025 (sehingga Oktober) – Kecederaan: 115 kes (maut: 35 kes)

Bagi tahun 2024, statistik kecederaan pekerjaan negara merekodkan sejumlah 5,290 kes kecederaan pekerjaan di sektor pembinaan. Daripada jumlah tersebut, 101 kes adalah kes maut. Jatuh daripada tempat tinggi merupakan antara punca utama kes kecederaan di tapak pembinaan dengan 1,299 kes direkodkan sepanjang tahun 2024.

OPERASI TAPAK PEMBINAAN

Sepanjang tahun 2025, sejumlah 3 OTP dijalankan di seluruh negara. **OTP Bil. 1/2025** bertemakan ***“Tiada Jatuh, Pekerja Selamat”*** telah dijalankan pada 17 hingga 28 Februari 2025 di 241 tapak pembinaan. OTP Bil. 1 ini memfokuskan kepada pengawalseliaan aktiviti-aktiviti kerja di tempat tinggi dan kerja mengangkat di samping pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Seterusnya, **OTP Bil. 2/2025** dijalankan pada 16 hingga 27 Jun 2025 dengan tema ***“Ops Patuh Elak Jatuh”***. Operasi ini memfokuskan kepada mengawal selia aktiviti kerja tempat tinggi dan pemantauan tapak selamat. Operasi ini telah dijalankan di 225 tapak bina seluruh negara.

OTP Bil. 3/2025 bertemakan ***“Pematuhan Konsisten, Tapak Selamat”*** pula dijalankan pada 8 hingga 12 Disember 2025 yang memfokuskan kepada pemeriksaan tapak bina dengan rekod ketidakpatuhan berulang (hasil operasi atau pemeriksaan sebelum ini) dan pemeriksaan terhadap pelaksanaan tanggungjawab Part IV Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024.

TINDAKAN PUNITIF

Pihak Jabatan telah mengambil tindakan punitif pada OTP Bil.1/2025 dengan mengeluarkan 302 Surat Arahan, 197 Notis Pembaikan, 239 Notis Larangan, 46 Sita dan 14 Cadangan Kertas Siasatan.

Pada OTP Bil. 2/2025 pula, sebanyak 458 Surat Arahan, 179 Notis Pembaikan, 230 Notis Larangan, 39 Sita dan 7 Cadangan Kertas Siasatan telah dikeluarkan.

Secara keseluruhannya, **JKKP** telah mengeluarkan **760 Surat Arahan, 376 Notis Pembaikan, 459 Notis Larangan, 85 Sita dan 21 Cadangan Kertas Siasatan** sepanjang kedua-dua OTP ini.

JKKP komited dalam melaksanakan pemantauan berterusan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja sentiasa diutamakan. Semua pihak yang terlibat termasuk klien, hendaklah memastikan projek pembinaan dijalankan dengan selamat melalui pematuhan terhadap Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 dan garis panduan yang berkaitan dengan sektor pembinaan. Majikan juga perlu memastikan pekerja yang bekerja di sektor ini diberi latihan yang mencukupi supaya mereka mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang kerja selamat dan sihat.

Jabatan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana majikan atau pengurus projek yang gagal mematuhi peruntukan perundangan dan menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan tapak pembinaan dan kawasan berhampirannya selamat dan kondusif kepada

pekerja dan orang awam yang mungkin terdedah kepada aktiviti di tapak bina tersebut.

###

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

9 Disember 2025